

12/03/2000

Dua cadangan majukan pelancongan di Langkawi

LANGKAWI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpuas hati dengan pencapaian pembangunan di Langkawi dan sedia mempertimbangkan dua cadangan baru untuk memajukan sektor pelancongan di pulau ini.

Perdana Menteri berkata, dua cadangan baru iaitu pemulihan pantai di Pantai Kok dan perkhidmatan kereta kabel ke Gunung Mat Cincang hanya akan dilaksanakan jika tidak membabitkan kos yang terlalu tinggi.

Perkhidmatan kereta kabel yang dicadangkan oleh Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) adalah dari Oriental Village di Teluk Burau ke Gunung Mat Cincang dengan ketinggian 708 meter.

"Saya naik helikopter untuk lihat keadaan Gunung Mat Cincang dan saya berpendapat ia amat menarik, kalau boleh kita buat, kalau harga tidak begitu mahal," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur, semalam.

Beliau bersama isteri, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali adalah dalam lawatan tidak rasmi dua hari ke pulau peranginan ini sebaik tiba di sini, malam kelmarin.

Dr Mahathir berkata, Langkawi semakin diminati pelawat luar negara, terutama pelancong Eropah sebagai destinasi percutian dan yakin lebih ramai melawat pulau ini dengan adanya pembangunan berasaskan pelancongan.

Bagaimanapun, beliau berharap pemandu teksi dan bas tidak mengenakan komisen yang terlalu tinggi apabila membawa pelancong ke tempat tertentu kerana komisen yang diperolehi itu kadang-kadang lebih banyak berbanding pengusaha itu sendiri.

Beliau seterusnya tertarik dengan beberapa tapak projek pembangunan utama pelancongan Langkawi termasuk Oriental Village, perkampungan kristal dan pusat menyenggara kapal layar di Pulau Rebak, di sini.

Terdahulu, Perdana Menteri menghabiskan masa lebih tiga jam untuk melawat ketiga-tiga projek itu sambil diiringi Pengurus Besar Lada, Datuk Abdul Halil Mutalib.

Dalam lawatan pertamanya di Oriental Village, Teluk Burau, pagi semalam, Dr Mahathir mendengar taklimat yang disampaikan oleh Pengarah Urusan Asiankape Sdn Bhd, Denis Hayes, syarikat perunding bagi projek Lada itu.

Oriental Village menempatkan empat restoran dengan masing-masing menyediakan masakan ala Thai, Jepun, Cina dan Melayu serta 25 ruang niaga menjual barangan berjenama bebas cukai.

Projek membabitkan kos bernilai RM19 juta itu kini kira-kira 80 peratus siap dan dijangka siap sepenuhnya Mei ini.

Projek di kawasan seluas 75 hektar yang dimulakan sejak 1997 dengan kontraktor utamanya Crest Builder Sdn Bhd akan turut menyediakan penginapan bertaraf sederhana yang mampu menyediakan 30 bilik.

Dr Mahathir kemudian meninjau Perkampungan Kristal di Pulau Rebak yang dimajukan oleh syarikat pengeluar perhiasan kristal, Langkawi Crystal Sdn Bhd.

Perkampungan yang membabitkan kawasan seluas 0.97 hektar itu akan dilengkapi sekolah latihan antarabangsa, pusat penyelidikan dan pembangunan serta ruang pameran dan galeri khusus untuk barangan kristal.

Syarikat itu dijangka memindahkan operasinya dari Jalan Kisap, sekarang ke Pulau Rebak secara berperingkat, mulai akhir bulan ini.

(END)